

20/04/1998

Guna tanah secara maksimum: PM (HL)

Saodi Mat Atar; Daud Awang

JOHOR BAHRU, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak rakyat memaksimumkan penggunaan tanah pertanian bagi membuktikan kesyukuran selain membantu negara menangani kegawatan ekonomi.

Walaupun sektor perindustrian berkembang pesat, Perdana Menteri menegaskan sektor pertanian amat penting bagi memastikan bukan saja bekalan makanan mencukupi, malah mengurangkan import bahan itu.

Beliau yakin pengeluaran makanan daripada sektor pertanian boleh membantu Malaysia mengurangkan pengaliran keluar mata wang negara terutama dalam keadaan kejatuhan nilai ringgit sekarang.

Dr Mahathir membuat gesaan itu ketika melancarkan penternakan lembu di ladang kelapa sawit bagi program integrasi ruminan (ternakan meragut) negara di Ladang Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) di Kulai, kira-kira 50 kilometer dari sini, hari ini.

Beliau berharap rakyat terutama mereka yang menikmati faedah daripada peningkatan harga sawit, tidak cepat puas hati dengan pendapatan mereka tetapi hendaklah memaksimumkan pengeluaran termasuk mengusahakan ternakan ruminan pula.

Menurutnya, usaha mengeluarkan bahan makanan itu adalah tanggungjawab setiap rakyat bagi memelihara ekonomi dengan mengusahakan kawasan selagi ia mempunyai potensi mengeluarkan lebih hasil.

Beliau berkata, pemilik yang mendapat tanah daripada kerajaan hendaklah mengusahakannya bersungguh-sungguh bukan sekadar sebagai balasan terima kasih kepada kerajaan tetapi membuktikan kesyukuran.

"Marilah kita menjayakan matlamat ini demi kepentingan untuk menambah pendapatan kita sendiri, demi membuktikan kesyukuran kita dan kerana perasaan tanggungjawab kita terhadap memulih ekonomi negara," katanya.

Turut hadir ialah Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud; Menteri Pertahanan; dan Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Gesaan Perdana Menteri itu sejajar dengan pergantungan negara kepada import bahan makanan yang bernilai kira-kira RM10.4 bilion setahun sedangkan Malaysia terkenal dengan kesuburan tanah dan iklim sesuai bagi kegiatan pertanian.

Antara import bahan makanan terbesar ialah daging, apabila tahun lalu negara membawa masuk 67,400 tan metrik bernilai RM300 juta berikutan penternak tempatan hanya mampu mengeluarkan 20,300 tan metrik daging berbanding keperluan sebanyak 100,600 tan metrik.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berharap rakyat termasuk syarikat swasta yang memiliki ladang menyahut gesaan menjalankan program integrasi ruminan yang berkonsepkan ternakan lembu dan kambing dalam ladang.

Pelancaran itu dilakukan Dr Mahathir di ladang kelapa sawit YPJ yang menternak lebih 700 ekor lembu dan beliau berharap program berkenaan dapat diperluaskan di tempat lain.

(END)